

03 NOV 2003

ABDULLAH MULAKAN TUGAS DI PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 3 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memulakan tugas di pejabat barunya di Tingkat 5, Pejabat Perdana Menteri di sini selepas dilantik sebagai Perdana Menteri kelima Malaysia Jumaat lepas.

Beliau tiba di perkarangan Bangunan Perdana Putra yang mengandungi pejabat itu tepat pukul 8 pagi dengan disambut meriah oleh para menteri dan timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) serta warga jabatan itu yang lain.

Abdullah bersalaman dengan mereka yang menunggunya sejak awal lagi sebelum merakamkan waktu masuk pejabat buat pertama kali pada pukul 8.10 pagi di ruang legar bangunan itu.

Terdahulu, beliau dan mereka yang hadir mengaminkan bacaan doa supaya kepimpinan beliau berlangsung dengan baik.

Sebaik sahaja selesai bacaan doa, Abdullah yang bersut hitam, mengungkap apa yang sering berada di mulutnya sejak dilantik menjadi Perdana Menteri kelima: "Work with me, not for me... kerana agama, bangsa dan negara."

Abdullah, 64, mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara pada Jumaat lepas.

Beliau menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersara selepas berkhidmat sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun.

-- BERNAMA

MAM BK